KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Ringkasan Eksekutif

RANCANGAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2026 – 2035

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Ringkasan Eksekutif

Rancangan Pendidikan Malaysia
2026 – 2035

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Hak Cipta © 2026
Kementerian Pendidikan

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang terbit mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan.

Ringkasan Eksekutif
Rancangan Pendidikan Malaysia
2026 – 2035

Nombor ISBN 978-983-9425-39-0

Diterbitkan oleh:
Kementerian Pendidikan
Blok E8, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia

Ringkasan Eksekutif

Malaysia kini memasuki dekad yang menuntut transformasi strategik dalam membentuk masa depan generasi akan datang. Menelusuri arus perubahan dunia yang pantas dan memberi kesan langsung kepada landskap ekonomi, sosial dan politik, pendidikan berperanan sebagai nadi utama dalam memastikan hala tuju negara bergerak seiring dengan kemajuan global. Peranan ini amat penting bagi menyediakan generasi yang bukan sahaja berilmu, tetapi beradab dan berkemahiran untuk menghadapi cabaran masa hadapan yang semakin kompleks.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 telah membina asas yang kukuh terutamanya dalam aspek akses pendidikan, namun landskap global dan domestik telah berubah pascapandemik. Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026 – 2035 digubal bukan sekadar sebagai kesinambungan dasar, tetapi sebagai satu intervensi strategik yang mendesak untuk memastikan sistem pendidikan negara kekal relevan, berdaya tahan dan mampu melahirkan modal insan yang kompetitif di peringkat global.

Rancangan baharu ini turut memberi tumpuan kepada aspek kemampanan dan keluwesan, selain memperkukuh akses, ekuiti, mutu dan kecekapan. Dengan tema “Merapatkan Jurang, Meningkatkan Mutu, Meraih Kejayaan Bersama”, rancangan ini bertindak sebagai kompas strategik untuk menangani isu pembelajaran, kesejahteraan guru dan murid serta cabaran teknologi seperti Kecerdasan Buatan (AI). Transformasi struktur sistem pendidikan yang menyeluruh diperlukan untuk merealisasikan aspirasi Insan Sejahtera yang berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Bertitik tolak daripada diagnosis mendalam terhadap jurang pelaksanaan pelan terdahulu, RPM 2026 – 2035 diterjemahkan menerusi Tujuh Teras Strategik yang komprehensif, disokong oleh 49 prakarsa berimpak tinggi. Perkara ini merangkumi penyusunan kurikulum baharu, pembangunan bakat murid, peningkatan profesionalisme pendidik, penyediaan kemudahan prasarana, sinergi bersama-sama dengan pihak berkepentingan, pembudayaan kemampanan serta pengukuhan kecekapan tadbir urus.

Kerangka ini bukan sekadar satu himpunan strategi yang bersepadu, tetapi ekosistem transformasi yang dirangka khusus untuk merapatkan jurang sedia ada serta memacu lonjakan mutu. Rancangan ini berupaya membina legasi pendidikan baharu yang memastikan setiap rakyat Malaysia bersedia dan berkeupayaan mencorakkan masa hadapan negara.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Visi dan Misi

Visi
Pendidikan Bermutu, Insan Terdidik, Negara Sejahtera.

Misi
Melestarikan Sistem Pendidikan yang Bermutu untuk Membangunkan Potensi Individu bagi Memenuhi Aspirasi Negara.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Matlamat

Evolusi sistem pendidikan di Malaysia bermula dengan usaha awal kerajaan kolonial British untuk mewujudkan sistem pendidikan di Tanah Melayu yang bertumpu kepada integrasi nasional menjelang kemerdekaan melalui penubuhan satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh L. J. Barnes dan seterusnya menghasilkan Laporan Barnes (1950). Cadangan daripada Laporan Barnes berhubung pemansuhan sekolah vernakular telah mendapat tentangan daripada masyarakat Cina. Bagi meredakan keadaan, Jawatankuasa Fenn-Wu telah ditubuhkan dan seterusnya mengeluarkan Laporan Fenn-Wu (1951). Laporan ini mencadangkan sekolah Cina, sekolah Tamil dan sekolah Melayu dibenarkan beroperasi dengan menggunakan bahasa pengantar masing-masing.

Seterusnya, Penyata Razak (1956) menjadi asas kepada Sistem Pendidikan Kebangsaan dengan matlamat menyatupadukan kaum melalui satu kurikulum yang sama, penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dan sekolah yang bercorak kebangsaan manakala Laporan Rahman Talib (1960) pula menekankan pendidikan percuma di sekolah rendah dan pengukuhan sekolah kebangsaan. Usaha ini kemudiannya menjadi asas kepada Akta Pelajaran 1961 yang membentuk Sistem Pendidikan Kebangsaan. Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) telah memperluas matlamat pendidikan kepada pembangunan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Laporan ini menghasilkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang menyeimbangkan ilmu, kemahiran dan nilai serta memperkukuh jati diri dan semangat patriotisme murid.

Pendidikan abad ke-21 di Malaysia berkembang secara lebih strategik melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006 – 2010 dan PPPM 2013 – 2025. Kedua-dua rancangan ini bertumpu kepada peningkatan mutu, pemerkasaan pendidik, kepimpinan sekolah dan pembangunan kemahiran abad ke-21 untuk melahirkan modal insan bertaraf global.

Walaupun setiap rancangan pendidikan mempunyai tumpuan dan pendekatan berbeza mengikut zamannya, matlamat asas kekal konsisten, iaitu melahirkan insan yang seimbang dan harmonis selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Rukun Negara. Matlamat ini menekankan pembangunan holistik individu, perpaduan nasional, penguasaan ilmu dan kemahiran relevan untuk menghadapi cabaran global. Negara-negara di rantau ASEAN dan negara maju lain turut berkongsi matlamat pendidikan yang sama, berlandaskan konsep pembangunan murid secara menyeluruh dan berasaskan nilai.

Negara maju seperti Finland, Jepun dan Korea Selatan juga memberikan keutamaan kepada kesejahteraan murid, pembelajaran berasaskan nilai dan keseimbangan ilmu serta kehidupan. Filipina dan Brunei Darussalam pula menumpukan kepada patriotisme, potensi diri dan kemahiran berdaya saing. Negara-negara ini menganggap pendidikan bukan sekadar pemerolehan ilmu, tetapi proses membentuk individu yang beretika, berempati dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan dunia.

Dalam era global yang kompleks, pendekatan pembangunan insan seimbang amat penting. Hal ini bagi memastikan pendidikan tidak hanya melahirkan murid cemerlang intelek, tetapi juga individu berakhlak, berperikemanusiaan dan harmoni. Matlamat RPM 2026 – 2035 adalah untuk melahirkan insan sejahtera yang beradab, berilmu, berkemahiran, berdaya tahan dan berkeyakinan yang berteraskan FPK.

Matlamat ini menekankan bahawa pendidikan perlu melahirkan individu yang seimbang dari segi sahsiah, emosi, sosial dan rohani serta berupaya menghadapi cabaran masa hadapan dengan ilmu, nilai dan kemahiran yang relevan melalui pembelajaran sepanjang hayat.

Lima Ciri Murid

Huraian ringkas bagi setiap ciri Insan Sejahtera adalah seperti yang berikut:

1 Beradab

Murid yang memiliki sikap dan tingkah laku yang sopan, menghormati orang lain, bertimbang rasa, menghayati nilai serta mempraktikkan etika dan adab yang baik. Ciri murid ini menekankan pembentukan nilai moral dan keperibadian yang tinggi, berakhlak mulia serta warganegara yang bertanggungjawab.

2 Berilmu

Murid yang memiliki ilmu pengetahuan yang luas meliputi bidang akademik dan bukan akademik serta memiliki gaya fikir yang kritis dan kreatif. Murid sentiasa berusaha untuk memahami kandungan pembelajaran dan mampu mengaplikasikannya dalam kehidupan harian.

3 Berkemahiran

Murid yang memiliki kemahiran praktikal dan teknikal bagi menghadapi cabaran kehidupan dan dunia pekerjaan sebenar. Murid juga menguasai kemahiran masa hadapan, seperti kemahiran penyelesaian masalah yang kompleks dan penyelesaian masalah melalui pembelajaran kolaboratif selain kemahiran insaniah yang menjadi kunci kejayaan dan kelangsungan hidup pada abad ke-21.

4 Berdaya Tahan

Murid yang berdaya tahan dari segi fizikal, mental dan emosi, mampu bersedia menghadapi cabaran dalam pembelajaran dan kehidupan. Murid mampu menyesuaikan diri serta menghadapi tekanan, kegagalan dan kesulitan dengan sikap positif dan tidak mudah berputus asa. Murid juga bertekad dan sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat walaupun berhadapan dengan pelbagai halangan.

5 Berkeyakinan

Murid yang mempunyai kepercayaan yang utuh terhadap keupayaan dan potensi diri, mampu berkomunikasi dengan baik serta berani untuk mencuba perkara yang baharu dan berfikiran terbuka. Keyakinan sebagai warganegara yang baik dan bertanggungjawab diperkukuh berasaskan kepercayaan kepada Rukun Negara sebagai tonggak perlembagaan negara.

INSAN SEJAHTERA

Rajah 1 - Lima Ciri Murid yang Membentuk Insan Sejahtera

Lima Tumpuan Utama

Bagi merealisasikan matlamat RPM 2026 – 2035, lima tumpuan utama menjadi pemacu transformasi sistem pendidikan negara.



TUMPUAN RPM 2026 – 2035

Mutu, Akses dan Ekuiti, Ketersediaan Sumber dan Kecekapan, Keluwesan dan Kemampanan

1. Mutu

Mutu sistem pendidikan merujuk kepada keupayaan dan kesediaan sistem dalam menyediakan peluang dan pengalaman pembelajaran yang terbaik untuk semua murid. Tumpuan penting merangkumi pelbagai aspek seperti kurikulum, pedagogi pentaksiran yang bermutu, prasarana fizikal yang kondusif, prasarana digital yang menyokong pengajaran dan pembelajaran (PdP), pengurusan dan tadbir urus yang cekap serta sistem sokongan holistik untuk perkembangan murid. Oleh itu, mutu pendidikan perlu terus diperkukuh secara berterusan untuk meningkatkan keberhasilan setiap murid.

Aspirasi KPI Mutu:

- Murid mencapai sekurang-kurangnya gred C bagi keempat-empat mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah.
- 33 peratus sekolah mencapai taraf mutu cemerlang (Sekolah Inspirasi).

2. Akses dan Ekuiti

Akses dan ekuiti merangkumi dua aspek utama, iaitu memastikan semua kanak-kanak mendapat akses kepada pendidikan bermutu serta menjamin peluang pendidikan yang setara dan adil bagi setiap individu. Konsep kesaksamaan dan kesetaraan di sini menegaskan bahawa setiap kanak-kanak warganegara Malaysia berhak mendapat pendidikan bermutu, tanpa mengira latar belakang sosial, ekonomi, geografi dan ketidakupayaan.

Aspirasi KPI Akses dan Ekuiti:

- Enrolmen sejagat pada setiap peringkat pendidikan prasekolah hingga menengah atas.
- Pengurangan 50 peratus dalam jurang pencapaian bandar dan luar bandar.
- Pengurangan 70 peratus dalam jurang pencapaian jantina dan sosioekonomi.

3. Ketersediaan Sumber dan Kecekapan

Ketersediaan sumber dan kecekapan merangkumi akses menyeluruh murid dan pendidik terhadap prasarana yang berfungsi, bahan pengajaran, serta sumber manusia dan kewangan yang mencukupi bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran kondusif. Aspek ini turut menekankan kemampuan sistem pendidikan untuk mengurus dan memanfaatkan sumber tersebut secara efisien melalui tadbir urus yang baik dan penyampaian bermutu demi mencapai keberhasilan pendidikan yang optimum.

Aspirasi KPI Ketersediaan Sumber dan Kecekapan:

- Semua institusi pendidikan KPM yang mempunyai bangunan daif akan dinaik taraf.
- Pulangan nilai/hasil daripada perbelanjaan pendidikan bagi murid.

4. Keluwesan

Keluwesan menekankan keupayaan sistem pendidikan untuk menyesuaikan pendekatan pedagogi mengikut keperluan dan keupayaan murid, persekitaran pembelajaran yang dinamik serta perkembangan teknologi. Pendekatan pembelajaran yang lebih terangkum dan berpusatkan murid memberikan peluang kepada setiap murid mendalami bidang pembelajaran berdasarkan minat, kebolehan dan kecenderungan masing-masing. Keluwesan juga merangkumi keanjalan dalam tadbir urus pendidikan bagi meningkatkan kecekapan, akauntabiliti dan integriti dalam penyampaian pendidikan.

Aspirasi KPI Keluwesan:

- Semua institusi pendidikan KPM mendapat autonomi terpimpin sekurang-kurangnya dalam satu bidang, sama ada kurikulum, kewangan, sumber manusia, pengurusan murid atau perolehan.

5. Kemampanan

Kemampanan memberikan tumpuan kepada usaha memelihara dan melestarikan sistem pendidikan agar kekal relevan, berdaya tahan dan mampu memenuhi keperluan masa hadapan. Kemampanan merupakan teras baharu dalam RPM 2026 – 2035 yang menekankan pembudayaan kemampanan, merangkumi dimensi alam sekitar, sosial dan ekonomi dalam ekosistem pendidikan. Penekanan ini selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bagi memastikan pembangunan bakat yang berdaya saing, beretika dan berorientasikan masa hadapan. Dalam konteks ini, tumpuan kemampanan juga adalah untuk melahirkan generasi yang bukan sahaja berilmu dan berkemahiran tetapi juga bertanggungjawab terhadap kesejahteraan masyarakat dan kelestarian bumi.

Aspirasi KPI Kemampanan:

- Semua warga institusi pendidikan KPM membudayakan amalan kemampanan.

Pencapaian Semasa PPPM 2013 – 2025

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 merupakan rancangan jangka panjang yang bertujuan mentransformasikan sistem pendidikan negara berasaskan visi “Pendidikan Bermutu, Insan Terdidik, Negara Sejahtera”. Rancangan tersebut mempunyai tiga objektif utama, iaitu memahami prestasi dan cabaran semasa sistem pendidikan Malaysia, mewujudkan visi dan aspirasi yang jelas bagi setiap murid, serta menggariskan transformasi sistem pendidikan yang komprehensif.

Bagi mencapai lima aspirasi sistem yang ditetapkan iaitu akses, mutu, ekuiti, perpaduan dan kecekapan, PPPM 2013 – 2025 telah merangka transformasi melalui 11 anjakan. Walaupun pelbagai prakarsa telah membawa kemajuan, pandemik COVID-19 telah memberikan impak kepada pelaksanaan rancangan secara menyeluruh dan menuntut perubahan dari segi pendekatan dan keutamaan.

Seksyen ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai prestasi semasa sistem pendidikan negara dengan menggariskan kejayaan yang telah dicapai serta jurang dan cabaran yang masih wujud sebagai asas penting untuk menentukan tumpuan strategik RPM 2026 – 2035.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 telah menghasilkan pelbagai pencapaian penting dalam sistem pendidikan Malaysia yang boleh dinilai berdasarkan indikator prestasi utama bagi lima aspirasi sistem yang telah ditetapkan.

Aspirasi	Sasaran	Pencapaian
Akses	100% enrolmen merentas semua peringkat pendidikan dari prasekolah hingga menengah atas.	Prasekolah 93.52% | Rendah 99.39% | Menengah Rendah 96.31% | Menengah Atas 92.60% *data pada 30 Jun 2024
Kualiti	Negara dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa seperti *Programme for International Student Assessment* (PISA) dan *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dalam tempoh 15 tahun.	PISA 2022 • Literasi Bacaan: Purata skor 388 mata berbanding dengan purata antarabangsa, iaitu 476. • Literasi Sains: Purata skor 416 mata berbanding dengan purata antarabangsa, iaitu 485. • Literasi Matematik: Purata skor 409 mata berbanding dengan purata antarabangsa, iaitu 472. TIMSS 2023 • Matematik: Purata skor 411 mata berbanding dengan purata antarabangsa, iaitu 478. • Sains: Purata skor 426 mata berbanding dengan purata antarabangsa, iaitu 478.
Ekuiti	50% pengurangan dalam jurang pencapaian (bandar-luar bandar, sosioekonomi, gender) menjelang 2020.	• Pengurangan jurang pencapaian gred purata SPM 2024 berdasarkan lokaliti (bandar–luar bandar) sebanyak 26.23%. • Pengurangan jurang layak mendapat sijil SPM 2024 berdasarkan jantina sebanyak 52.78%. • Pengurangan jurang layak mendapat sijil SPM 2024 berdasarkan sosioekonomi sebanyak 57.75%.
Perpaduan	Sistem pendidikan yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian.	Indeks Perpaduan: Skor 8.1 menunjukkan tahap perpaduan yang sangat erat.
Kecekapan	Sistem yang memaksimumkan keberhasilan murid mengikut peruntukan sedia ada.	84.07% sekolah telah ditambah baik dan dinaik taraf.

Rajah 2 - Sasaran dan Pencapaian PPPM 2013 – 2025

Pencapaian Mengikut Aspirasi Sistem

Akses

Malaysia mencapai prestasi yang memberangsangkan bagi peringkat rendah dan menengah rendah yang telah melepasi nilai enrolmen sejagat iaitu 95.00%. Data menunjukkan peningkatan enrolmen prasekolah untuk kanak-kanak berumur 4+ tahun daripada 72.7% pada 2013 kepada 78.34% pada 2024, manakala enrolmen prasekolah untuk kanak-kanak berumur 5+ tahun meningkat daripada 90.8% kepada 93.52% dalam tempoh yang sama. Pada peringkat sekolah rendah, kadar enrolmen telah mencapai 99.39%, manakala enrolmen pada peringkat menengah rendah turut mencatat pencapaian tinggi pada 96.31%. Namun, jurang yang tipis masih wujud terutamanya pada peringkat menengah atas (92.60%) yang memerlukan perhatian khusus bagi memastikan kesinambungan laluan pendidikan murid dari peringkat prasekolah hingga ke menengah atas.

Meskipun enrolmen dalam bidang TVET menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan daripada 4.6 peratus pada 2013 kepada 11.14 peratus pada 2024. Walau bagaimanapun, pencapaian ini masih jauh daripada sasaran yang ditetapkan, iaitu 20%. Keadaan ini berpunca daripada penawaran peluang pendidikan TVET yang terhad di Kolej Vokasional dan Sekolah Menengah Teknik (SMT). Justeru, pelaksanaan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) dan Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) di sekolah harian telah diberikan tumpuan untuk memperluas akses kepada pendidikan vokasional.

Penubuhan Sekolah K9 dengan kemudahan asrama juga diperluas untuk memudahkan murid Orang Asli dan peribumi mengakses pendidikan dari peringkat rendah hingga menengah rendah. Namun, peratus kehadiran dan kadar transisi murid Orang Asli dan peribumi masih di bawah purata nasional. Peratus transisi murid Orang Asli dari Tahun 6 ke Tingkatan 1 mencatatkan 89.86% pada tahun 2023. Keadaan ini menandakan jurang akses perlu diberikan perhatian bagi memastikan penyertaan yang menyeluruh oleh semua murid.

Kualiti

Dalam pentaksiran antarabangsa, Malaysia masih belum mencapai sasaran untuk tergolong dalam kelompok sistem pendidikan sepertiga teratas. Dalam Programme for International Student Assessment (PISA) 2022, Malaysia memperoleh skor purata di bawah purata Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) dalam ketiga-tiga literasi iaitu Literasi Bacaan, Literasi Matematik dan Literasi Saintifik.

Pencapaian murid dalam peperiksaan nasional Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menunjukkan trend peningkatan yang memberangsangkan. Walaupun terdapat peningkatan dalam pencapaian keseluruhan SPM, masih terdapat keperluan untuk memberikan tumpuan kepada penguasaan kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah. Bagi item Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam SPM 2024, 88.22% murid mencapai tahap penguasaan minimum, manakala 58.45% calon menunjukkan penguasaan baik dalam menjawab item tersebut. Usaha meningkatkan kualiti pendidikan juga merangkumi pengukuhan pendidikan STEM untuk melengkapkan murid dengan kemahiran pengaplikasian sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik yang diperlukan bagi menghadapi cabaran dunia yang semakin dinamik. Hasil daripada prakarsa yang dilaksanakan, peratus enrolmen murid dalam bidang STEM pada tahun 2024 telah meningkat kepada 50.83%. Namun, peratus enrolmen ini masih belum mencapai sasaran 60% yang telah ditetapkan.

Antara prakarsa untuk mencapai aspirasi kualiti ini termasuklah peningkatan profisiensi guru opsyen bahasa Inggeris untuk mencapai tahap penguasaan minimum Common European Framework of Reference for Languages (CEFR) C1. Melalui kursus Professional Up-skilling of English Language Teachers (Pro-ELT) yang dikendalikan oleh English Language Teaching Centre, sebanyak 33,894 daripada 47,546 guru telah dilatih sehingga 2023. Ujian profisiensi menunjukkan 52.78% guru opsyen bahasa Inggeris mencapai tahap minimum CEFR C1 pada 2023.

Ekuiti

Jurang pencapaian antara murid bandar dengan luar bandar di Malaysia telah berkurang sebanyak 26.23%. Dalam peperiksaan SPM, kedua-dua kumpulan menunjukkan peningkatan pencapaian dengan jurang yang semakin mengecil dari tahun ke tahun. Pencapaian murid mengikut lokasi sekolah dalam PISA dan SPM pula masih menunjukkan murid bandar mempunyai tahap prestasi lebih tinggi berbanding murid luar bandar. Status sosioekonomi kekal sebagai peramal utama prestasi murid di semua negara peserta PISA termasuk Malaysia. Dalam pentaksiran PISA 2022, skor purata pencapaian Matematik bagi murid daripada status sosioekonomi tinggi adalah 458 berbanding 375 bagi murid daripada status sosioekonomi rendah.

Perbezaan prestasi dalam SPM antara gender masih wujud dan usaha berterusan perlu dilaksanakan untuk terus mengecilkan jurang ini. Usaha ekuiti turut diperkukuh melalui peluasan program pendidikan terangkum dan intervensi awal bagi murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK). Latihan guru turut dipertingkat dengan 54.47% guru menerima latihan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) secara dalam talian dan bersemuka. Setakat tahun 2025, hanya 37.4% sekolah telah dinaik taraf dengan kemudahan mesra Orang Kurang Upaya (OKU). Usaha berterusan memerlukan sokongan sistem yang lebih utuh, pengagihan sumber dan intervensi yang lebih bersasar, penyelarasan antara agensi yang lebih kukuh dan pemantapan kapasiti pendidik.

Perpaduan

Sistem pendidikan telah menunjukkan peningkatan dalam fungsinya sebagai wahana penyatuan nasional yang kukuh. KPM telah melaksanakan Kajian Indeks Perpaduan untuk mengukur tahap perpaduan dalam kalangan guru dan murid. Data terkini menunjukkan peningkatan yang konsisten dalam skor indeks perpaduan. Usaha untuk meningkatkan interaksi merentas etnik secara konsisten, menyeluruh dan bermakna diperkukuh dari semasa ke semasa.

Bilangan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia turut meningkat kepada 55.07% pada 2023, sekali gus memperkukuh sokongan psikososial di sekolah. Walau bagaimanapun, usaha diteruskan supaya semua GBK dilengkapkan dengan kompetensi yang diperlukan untuk melaksanakan peranan mereka secara berkesan. Selain itu, nisbah kaunselor kepada murid masih berada pada 1:450, berbanding dengan sasaran 1:350.

Kecekapan Sistem

Keberhasilan murid dipengaruhi oleh ketersediaan prasarana fizikal dan digital yang mencukupi untuk menyokong pembelajaran bermutu dan pengalaman PdP yang terangkum. Pada tahun 2025, sebanyak 739 buah sekolah atau 84.07 peratus daripada 879 yang disasarkan telah ditambah baik dan dinaik taraf. Namun demikian, terdapat 140 sekolah (15.93%) dalam proses penambahbaikan. Walau bagaimanapun, akses internet dan peranti masih tidak seimbang di kawasan pedalaman dan kompetensi digital guru perlu ditingkatkan untuk menyokong pembelajaran yang berkesan.

Bagi memastikan kecekapan sistem pendidikan dapat dioptimumkan pada masa akan datang, beberapa penambahbaikan seperti latihan bertumpu kepada sekolah berprestasi rendah dalam pengurusan kewangan turut diberikan penekanan. Pada 2024, 73% daripada 996 sekolah yang telah diberikan autonomi pembiayaan saksama berjaya mengoptimumkan perbelanjaan daripada peruntukan yang diterima. Sekolah turut diberikan autonomi lebih besar dalam aspek seperti pelaksanaan kurikulum, pengurusan belanjawan dan penyesuaian program mengikut konteks tempatan.

Pencapaian semasa sistem pendidikan menunjukkan kemajuan signifikan sejak tahun 2013 terutamanya dalam peningkatan enrolmen murid, pengurangan jurang pencapaian SPM, pengukuhan autonomi sekolah serta peningkatan kapasiti warga pendidikan dalam pelbagai aspek yang berkaitan dengan lima aspirasi sistem, iaitu akses, mutu, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Jurang prestasi yang wujud dan sasaran yang belum tercapai memerlukan usaha dan komitmen berterusan yang sistematik dan menyeluruh untuk terus mentransformasikan sistem pendidikan negara. Oleh yang demikian, RPM 2026 – 2035 merupakan kesinambungan kepada usaha PPPM 2013 – 2025 dengan memberikan peningkatan dan penambahbaikan kepada aspek mutu, akses dan ekuiti, ketersediaan sumber dan kecekapan, keluwesan dan kemampanan.

Tujuh Teras Strategik Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026 – 2035

Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026 – 2035 digerakkan oleh tujuh teras strategik utama yang menjadi nadi sistem pendidikan negara. Setiap teras strategik ini mempunyai strategi dan prakarsa yang digubal berdasarkan pelbagai isu, cabaran dan potensi yang telah dikenal pasti. Langkah ini memastikan agar setiap prakarsa yang dilaksanakan memberikan impak dan mutu yang tinggi terhadap transformasi yang disasarkan.

Teras Strategik 1

Memastikan Sistem Pendidikan Malaysia yang Terangkum, Dinamik dan Relevan

Teras Strategik 2

Mengoptimumkan Potensi Setiap Murid Melalui Pengalaman Pembelajaran yang Bermakna untuk Menjadi Warganegara Global

Teras Strategik 3

Mentransformasikan Pendidik agar Berkeupayaan Tinggi dan Berorientasikan Masa Hadapan

Teras Strategik 4

Memantapkan Prasarana Fizikal dan Digital di Semua Institusi Pendidikan KPM

Teras Strategik 5

Mempergiat Sinergi Antara Institusi Pendidikan KPM dengan Semua Pihak Berkepentingan

Teras Strategik 6

Membudayakan Kemampanan dalam Ekosistem Pendidikan

Teras Strategik 7

Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus dan Sistem Penyampaian

Rajah 3 - Tujuh Teras Strategik RPM 2026 – 2035

Teras Strategik 1:
MEMASTIKAN SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA YANG TERANGKUM, DINAMIK DAN RELEVAN

Rasional dan Keperluan Strategik

Seiring dengan era globalisasi dan perkembangan pesat teknologi, sistem pendidikan perlu melalui transformasi menyeluruh agar selari dengan keperluan semasa dan masa hadapan. Usaha ini penting bagi memastikan pendidikan yang terangkum, dinamik dan relevan dapat terus memacu kemajuan negara serta menjamin kesejahteraan rakyat dengan daya saing tinggi pada peringkat global. Teras strategik ini amat kritikal dalam memperkukuh keyakinan masyarakat umum terhadap sistem pendidikan negara. Teras strategik ini berperanan menjadikan pendidikan kebangsaan sebagai pilihan utama di samping memupuk modal insan yang berwawasan, berintegriti dan berdaya saing. Pendekatan yang menyeluruh serta berkesan ini memastikan sistem pendidikan terus relevan dan mampu memenuhi aspirasi pembangunan negara.

Aspirasi dan Keberhasilan Utama

Sistem pendidikan kebangsaan berupaya mencapai standard mutu yang setara dengan piawaian antarabangsa di samping mengurangkan kadar keciciran secara signifikan. Melalui intervensi yang anjal dan bersasar, kejayaan pembelajaran murid dapat dipertingkatkan secara menyeluruh. Institusi pendidikan KPM diperkukuh dengan autonomi terpimpin yang diperkasa serta menjadikan kepimpinan sekolah lebih responsif dan berkesan. Kecekapan dan mutu sistem dinilai secara sistematik bagi memastikan setiap murid berpotensi dibangunkan sepenuhnya sebagai insan sejahtera, beradab serta berkeyakinan melalui sistem pendidikan yang terangkum, kukuh dan berdaya saing di peringkat global.

Strategi dan Prakarsa

Untuk mencapai matlamat Teras Strategik 1, KPM telah merangka tiga strategi utama yang disokong oleh prakarsa berikut:

TERAS STRATEGIK 1
MEMASTIKAN SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA YANG TERANGKUM, DINAMIK DAN RELEVAN

STRATEGI 1
Meneliti keberkesanan dan kecekapan implementasi dasar pendidikan

1. Memperkasakan pendidikan sains dan matematik.
2. Memperkukuh pelaksanaan dasar memartabatkan Bahasa Melayu memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).
3. Mengkaji semula dasar pengambilan dan penempatan pegawai perkhidmatan pendidikan.

STRATEGI 2
Memperkasakan struktur persekolahan kebangsaan

1. Memperkasakan struktur persekolahan kebangsaan.
2. Menambah baik dasar penawaran bahasa tambahan serta pengoperasian bahasa Cina dan bahasa Tamil.

STRATEGI 3
Memperkasakan pentaksiran dan peperiksaan kebangsaan

1. Memperkasakan sistem pentaksiran pendidikan kebangsaan.

PEMBOLEH DAYA
Membangunkan kerangka sistem indeks dalaman prestasi institusi pendidikan secara bersepadu

Teras Strategik 2:
MENGOPTIMUMKAN POTENSI SETIAP MURID MELALUI PENGALAMAN PEMBELAJARAN YANG BERMAKNA UNTUK MENJADI WARGANEGARA GLOBAL

Rasional dan Keperluan Strategik

Teras Strategik 2 memberi tumpuan kepada pengoptimuman potensi setiap murid melalui pengalaman pembelajaran yang bermakna bagi memastikan setiap murid berkembang secara seimbang, beradab dan berdaya tahan. Pendekatan ini meletakkan asas kepada pembentukan Insan Sejahtera yang mampu berfikir secara kritis, memahami perspektif berbeza dan berinteraksi secara berhemah dalam persekitaran global. Ia menuntut anjakan paradigma kepada pembelajaran berasaskan kompetensi dan nilai kemanusiaan dalam memupuk semangat perpaduan, pembentukan karakter, menyokong perkembangan sosial dan emosi dengan mengambil kira kepelbagaian murid.

Aspirasi dan Keberhasilan Utama

Setiap murid tanpa mengira latar belakang akan memperoleh asas pembelajaran yang kukuh melalui penguasaan literasi, numerasi, pengukuhan kompetensi serta pembangunan bakat. Asas ini seterusnya membina keupayaan untuk pembelajaran sepanjang hayat. Murid turut diperkasakan untuk mengembangkan potensi diri berlandaskan nilai kemanusiaan, empati dan jati diri yang mantap agar mampu berinteraksi secara terangkum dan matang dalam masyarakat berbilang budaya. Usaha ini bertujuan melahirkan generasi cemerlang dalam ilmu, kreatif, empati serta berupaya menyumbang secara bermakna kepada masyarakat dan negara.

Strategi dan Prakarsa

Untuk mencapai matlamat Teras Strategik 2, KPM telah merangka empat strategi utama yang disokong oleh prakarsa berikut:

TERAS STRATEGIK 2

MENGOPTIMUMKAN POTENSI SETIAP MURID MELALUI PENGALAMAN PEMBELAJARAN YANG BERMAKNA UNTUK MENJADI WARGANEGARA GLOBAL

STRATEGI 1

Reformasi kurikulum

1. Kurikulum pendidikan berorientasikan kompetensi dan keperluan masa hadapan.

STRATEGI 2

Meningkatkan kemahiran murid

Kemahiran Asas:
1. Memperkukuh kemahiran literasi dan numerasi murid Tahap 1.
2. Memperkukuh keterampilan berbahasa.

Kemahiran Abad ke-21:
1. Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat.
2. Memperkukuh kemahiran murid masa hadapan.

STRATEGI 3

Membangunkan bakat

1. Membangunkan bakat secara holistik dalam pelbagai bidang STEM, TVET, sukan dan seni.

STRATEGI 4

Membentuk karakter

1. Memperkasakan kesejahteraan murid merangkumi kesihatan fizikal, mental dan sosial.
2. Memperkukuh jati diri dan kerohanian murid.

PEMBOLEH DAYA

1. Akses terangkum: Program bersasar golongan khusus
2. Pentaksiran pintar: Memperkasakan pentaksiran bersepadu menggunakan teknologi digital dan AI

Teras Strategik 3:
MENTRANSFORMASIKAN PENDIDIK AGAR BERKEUPAYAAN TINGGI DAN BERORIENTASIKAN MASA HADAPAN

Rasional dan Keperluan Strategik

Mutu pendidikan sesebuah negara bergantung kepada mutu pendidiknya. Sebagai pemacu keberhasilan murid dan transformasi sistem pendidikan, pendidik merupakan penggerak utama kejayaan pelaksanaan dasar dan sistem pendidikan negara. Walaupun penilaian prestasi pendidik menunjukkan pencapaian yang tinggi, pencapaian murid masih belum mencapai sasaran yang dihasratkan. Jurang ini menekankan keperluan berterusan untuk memperkukuh kompetensi, kesejahteraan dan kepimpinan pendidik agar lebih responsif terhadap perubahan serta cabaran abad ke-21. Oleh itu, penekanan terhadap peningkatan kompetensi pendidik serta pengukuhan profesionalisme keguruan amat penting supaya sistem pendidikan negara diterajui oleh tenaga pendidik yang berkeupayaan tinggi dan berorientasikan masa hadapan.

Aspirasi dan Keberhasilan Utama

Pendidik akan menjadi lebih bermotivasi, kompeten dan sejahtera serta mempunyai peluang untuk mengakses laluan kerjaya yang lebih luwes dan progresif. Usaha membangunkan kapasiti pendidik turut disokong oleh ekosistem pendidikan yang menggalakkan perkembangan profesional berterusan, sekali gus memperkukuh daya tahan dan profesionalisme dalam kalangan warga pendidik. Di samping itu, kepimpinan pendidikan yang transformatif dan berwawasan sistemik akan menyokong persekitaran yang selamat, terangkum dan kondusif di semua institusi pendidikan KPM. Pembudayaan penyelidikan dan inovasi pula menjadi pemangkin kepada sistem pendidikan yang lebih berasaskan data dan berdaya saing.

Strategi dan Prakarsa

Untuk mencapai matlamat Teras Strategik 3, KPM telah merangka empat strategi utama yang disokong oleh prakarsa berikut:

TERAS STRATEGIK 3
MENTRANSFORMASIKAN PENDIDIK AGAR BERKEUPAYAAN TINGGI DAN BERORIENTASIKAN MASA HADAPAN

STRATEGI 1
Meningkatkan kesejahteraan pendidik

1. Menumpukan peranan guru kepada pengajaran dan pembelajaran.
2. Memperkasakan kesejahteraan pendidik melalui keseimbangan holistik.

STRATEGI 2
Memperkasakan kompetensi pendidik melalui pemberdayaan pembangunan profesionalisme berterusan secara berstruktur dan bermutu

1. Memantapkan pembangunan profesionalisme berterusan secara berstruktur untuk memastikan tahap kompetensi pendidik kekal relevan.

STRATEGI 3
Mentransformasikan latihan keguruan agar bersifat adaptif, dinamik dan relevan

1. Memperkasakan latihan keguruan agar luwes dan relevan.
2. Memperkukuh mekanisme jaminan mutu latihan guru dalam perkhidmatan.

STRATEGI 4
Membangunkan pemimpin transformatif, berkeupayaan tinggi dan berorientasikan masa hadapan

1. Memperkasakan perancangan pengganti dengan membentuk kumpulan pelapis pemimpin pendidikan yang berteraskan nilai dan berwawasan sistemik.
2. Mewujudkan keluwesan penempatan guru besar di sekolah rendah dan dari sekolah rendah ke sekolah menengah.

PEMBOLEH DAYA

Membudayakan penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi melalui penubuhan pusat yang memberi tumpuan kepada penyelidikan dan inovasi di bawah KPM

Teras Strategik 4:
MEMANTAPKAN PRASARANA FIZIKAL DAN DIGITAL DI SEMUA INSTITUSI PENDIDIKAN KPM

Rasional dan Keperluan Strategik

Prasarana fizikal dan digital pendidikan merupakan tunjang utama kepada sistem pendidikan negara yang berdaya tahan serta responsif terhadap tuntutan Revolusi Industri 4.0. Namun, ketidakseimbangan pembangunan antara kawasan bandar dan pedalaman masih ketara. Data semasa menunjukkan terdapat sekolah KPM yang belum mencapai piawaian minimum prasarana asas seperti bekalan elektrik, air bersih, tandas sempurna dan bilik darjah kondusif. Kekurangan ini menjejaskan mutu pembelajaran dan memperluas jurang pencapaian murid mengikut lokasi. Selain itu, kebergantungan kepada penyelenggaraan secara pembetulan mengurangkan kecekapan pengurusan aset dan meningkatkan kos jangka panjang. Oleh itu, pelaburan dalam reka bentuk sejagat serta sistem digital bersepadu amat penting untuk memperkukuh mutu pembelajaran dan menjamin kesaksamaan akses.

Aspirasi dan Keberhasilan Utama

Institusi pendidikan KPM akan dilengkapi dengan kemudahan fizikal dan digital yang moden, selamat, kondusif, terangkum serta menyokong pembelajaran abad ke-21. Pembangunan prasarana baharu berasaskan Kerangka Sekolah Sedia Masa Hadapan akan mengintegrasikan reka bentuk sejagat, kelestarian dan teknologi. Langkah ini mewujudkan persekitaran pembelajaran yang saksama, berimpak tinggi serta berupaya merapatkan jurang pendidikan antara sekolah bandar, luar bandar, pedalaman dan pulau. Tadbir urus pula diperkukuh melalui sistem maklumat pintar berasaskan data raya bagi menyokong keputusan strategik berasaskan bukti.

Strategi dan Prakarsa

Untuk mencapai matlamat Teras Strategik 4, KPM telah merangka tiga strategi utama yang disokong oleh prakarsa berikut:

TERAS STRATEGIK 4
MEMANTAPKAN PRASARANA FIZIKAL DAN DIGITAL
DI SEMUA INSTITUSI PENDIDIKAN KPM

STRATEGI 1
Memperkukuh pembangunan prasarana terangkum dan lestari

1. Memperkukuh pembangunan prasarana pendidikan yang strategik dan responsif.
2. Memantapkan pengurusan aset, penyelenggaraan proaktif dan berfasa untuk kelestarian prasarana KPM.
3. Memperkasakan prasarana dan sokongan pembelajaran bagi pendidikan khas.
4. Memperkukuh kemudahan sedia ada yang berfungsi, terangkum dan berimpak.

STRATEGI 2
Memperkasakan prasarana digital untuk pendidikan

1. Mentransformasikan pengalaman pembelajaran dengan inovasi teknologi.
2. Menambah baik prasarana digital di institusi pendidikan KPM.

STRATEGI 3
Menambah baik sistem pintar dan tadbir urus berpandukan data

1. Memperkukuh tadbir urus pendidikan melalui sistem maklumat dan data pintar serta terhubung.

Teras Strategik 5:
MEMPERGIAT SINERGI ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN KPM DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Rasional dan Keperluan Strategik

Pelibatan strategik pihak berkepentingan adalah penting bagi memperkukuh mutu pendidikan secara menyeluruh. Namun, pelaksanaan kerjasama strategik ini masih belum mencapai tahap optimum akibat kekurangan koordinasi antara KPM dan pihak berkepentingan dalam memadankan sumbangan dengan keperluan institusi pendidikan KPM. Selain itu, karenah birokrasi turut mengurangkan minat pihak berkepentingan untuk menjalin kerjasama strategik dengan institusi pendidikan KPM. Ketiadaan satu platform berpusat yang menjadi sumber maklumat dan komunikasi serta saluran formal bagi menyalurkan sumbangan turut menjejaskan pelaksanaan kerjasama strategik yang mampan. Oleh itu, pendekatan baharu diperlukan untuk membangunkan ekosistem kerjasama pendidikan yang lebih sistematik, telus dan berlandaskan data.

Aspirasi dan Keberhasilan Utama

Institusi pendidikan KPM akan berupaya menjalin hubungan strategik yang kukuh dengan pihak berkepentingan, sekali gus mewujudkan ekosistem sokongan yang mampan. Visi teras ini adalah untuk memastikan keperluan institusi pendidikan KPM dapat dipadankan dengan sumbangan pihak luar secara telus, adil dan saksama. Melalui sinergi berimpak tinggi, mutu perkhidmatan pendidikan akan meningkat dan sokongan pihak luar berupaya membantu mengatasi kekangan sumber dan kepakaran.

Strategi dan Prakarsa

Untuk mencapai matlamat Teras Strategik 5, KPM telah merangka tiga strategi utama yang disokong oleh prakarsa berikut:

TERAS STRATEGIK 5
MEMPERGIAT SINERGI ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN KPM DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

STRATEGI 1
Memperkukuh dasar kerjasama antara KPM dengan pihak berkepentingan

1. Memperkasakan dasar kerjasama institusi pendidikan KPM dengan pihak berkepentingan.

STRATEGI 2
Memperkukuh ekosistem penyaluran sumber

1. Memperkukuh ekosistem penyaluran sumber.

STRATEGI 3
Meningkatkan pelibatan pihak berkepentingan dengan institusi pendidikan KPM

1. Mempelbagai mekanisme pelibatan dan kerjasama antara pihak berkepentingan.

Teras Strategik 6:
MEMBUDAYAKAN KEMAMPANAN DALAM EKOSISTEM PENDIDIKAN

Rasional dan Keperluan Strategik

Pembudayaan kemampanan menuntut setiap murid celik ilmu dan berupaya memahami, menganalisis serta bertindak secara bertanggungjawab terhadap isu tempatan dan global. Pendidikan untuk Pembangunan Mampan (PPM) menjadi asas utama kepada transformasi ini dengan memastikan pendekatan pedagogi yang holistik dengan disokong oleh kepemimpinan yang transformatif agar budaya kemampanan dapat dikembangkan dalam ekosistem pendidikan.

Walaupun elemen PPM telah diintegrasikan dalam sistem pendidikan, pelaksanaannya masih belum menyeluruh dan konsisten di semua institusi pendidikan KPM. Hal ini berpunca daripada pelaksanaan yang tidak seragam, kekangan logistik dan faktor geografi, tahap pendedahan pendidik serta pemimpin pendidikan yang berbeza di samping keterbatasan kerjasama strategik. Pembudayaan kemampanan adalah penting untuk melahirkan warga KPM yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar, kesejahteraan sosial dan ekonomi sejajar dengan aspirasi nasional dan global.

Aspirasi dan Keberhasilan Utama

Ekosistem pendidikan akan berfungsi sebagai pusat pembudayaan kemampanan melalui pendekatan pedagogi yang berpusatkan murid. KPM akan berupaya melahirkan generasi murid yang celik kemampanan dan berdaya saing dalam pasaran kerja yang berkaitan ekonomi hijau. Pengurusan dan pemantauan yang berakauntabiliti akan menggalakkan pembudayaan kemampanan di institusi pendidikan KPM.

Kapasiti pendidik akan diperkukuh bagi memastikan pelaksanaan aktiviti kemampanan yang konsisten dan berkesan. Usaha ini bertujuan melahirkan warga pendidikan yang menghayati nilai kemampanan seterusnya mencetuskan gelombang pembudayaan kemampanan pada skala yang lebih besar.

Strategi dan Prakarsa

Untuk mencapai matlamat Teras Strategik 6, KPM telah merangka empat strategi utama yang disokong oleh prakarsa berikut:

TERAS STRATEGIK 6
MEMBUDAYAKAN KEMAMPANAN DALAM EKOSISTEM PENDIDIKAN

STRATEGI 1
Memperkasakan PPM dalam kalangan murid

1. Mengintegrasikan PPM dalam kurikulum dan kokurikulum.
2. Menyediakan murid dengan kemahiran berkaitan bidang pekerjaan lestari.

STRATEGI 2
Mengupayakan pendidik dan pemimpin pendidikan bagi menerajui PPM

1. Membangunkan kapasiti pendidik dan pemimpin pendidikan sebagai peneraju PPM.

STRATEGI 3
Meningkatkan advokasi dan promosi PPM dalam ekosistem pendidikan secara terangkum

1. Mengoptimumkan jaringan dan jalinan untuk PPM.
2. Memperkasakan murid dan warga pendidikan sebagai agen perubahan amalan kemampanan.

STRATEGI 4
Memperkukuh pemantauan dan penilaian pelaksanaan PPM di institusi pendidikan KPM

1. Menilai dan mengiktiraf institusi pendidikan KPM yang menerapkan amalan kemampanan.

PEMBOLEH DAYA
Pengupayaan pendanaan, kepakaran dan logistik untuk semua prakarsa berkaitan PPM

Teras Strategik 7:
MENINGKATKAN KECEKAPAN TADBIR URUS DAN SISTEM PENYAMPAIAN

Rasional dan Keperluan Strategik

Tadbir urus yang berkesan dalam sektor pendidikan bertujuan memastikan sistem pendidikan ditadbir secara telus, bertanggungjawab dan berintegriti. Melalui amalan tadbir urus yang mantap, proses perancangan dasar dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berasaskan bukti, manakala pengurusan sumber dapat dioptimumkan bagi mengelakkan pembaziran serta ketirisan. Di samping itu, tadbir urus yang bermutu membolehkan keutamaan pendidikan ditentukan secara objektif, seterusnya memastikan setiap keputusan yang dibuat dapat memenuhi keperluan murid, institusi dan komuniti pendidikan. Namun, kecekapan penyampaian terjejas akibat wujudnya ketidakjelasan fungsi, struktur dan bidang kuasa antara jabatan KPM yang menyebabkan pertindihan peranan dan kelewatan keputusan. Mekanisme penyampaian maklumat yang bersifat *top-down* dan sistem aduan memerlukan penambahbaikan strategik. Selain itu, keupayaan institusi pendidikan KPM untuk mengurus secara kendiri masih perlu ditingkatkan bagi mengurangkan kebergantungan kepada JPN/PPD, manakala prosedur penamatan pegawai yang tidak kompeten perlu diperkasakan. Penstrukturan semula pengurusan dituntut bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan memperkukuh kesaksamaan akses pendidikan.

Aspirasi dan Keberhasilan Utama

KPM akan berfungsi sebagai organisasi pembelajaran berprestasi tinggi, bertanggungjawab dan berorientasikan hasil. Matlamat ini diterjemahkan melalui pengukuhan struktur organisasi yang jelas yang disokong oleh sistem komunikasi bersepadu dan Pelan Pengurusan Perubahan dan Risiko yang mampan. Institusi pendidikan KPM akan diperkasa dengan autonomi terpimpin bagi membolehkan tindak balas pantas terhadap keperluan setempat, sekali gus meningkatkan kecekapan penggunaan sumber dalam penyampaian perkhidmatan pendidikan bermutu. Secara keseluruhan, tadbir urus yang baik dan penyampaian perkhidmatan yang cekap merupakan asas penting bagi mewujudkan sistem pendidikan yang efektif, responsif dan berdaya saing.

Strategi dan Prakarsa

Untuk mencapai matlamat Teras Strategik 7, KPM telah merangka empat strategi utama yang disokong oleh prakarsa berikut:

TERAS STRATEGIK 7
MENINGKATKAN KECEKAPAN TADBIR URUS DAN SISTEM PENYAMPAIAN

STRATEGI 1
Mengukuhkan pelan komunikasi KPM yang lebih responsif dan proaktif

1. Memantapkan pelaksanaan Pelan Strategik Komunikasi KPM yang berstruktur dan bersasar.

STRATEGI 2
Memperkukuh fungsi dan struktur organisasi bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Institusi Pendidikan KPM

1. Menyusun semula fungsi, struktur dan perjawatan Bahagian KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan KPM.
2. Memperkasakan polisi dan prosedur penamatan pegawai di KPM.

STRATEGI 3
Meningkatkan pemberian autonomi terpimpin kepada institusi pendidikan KPM

1. Memperkukuh pelaksanaan autonomi di institusi pendidikan KPM.
2. Mengoptimumkan penggunaan fasiliti dan prasarana di institusi pendidikan KPM.

STRATEGI 4
Memperkasakan Pengurusan Perubahan dan Risiko

1. Membangunkan Pelan Pengurusan Perubahan KPM.
2. Membangunkan Pelan Pengurusan Risiko KPM.

Sasaran Wajib Capai RPM 2026 – 2035

Slogan “Merapatkan Jurang, Meningkatkan Mutu, Meraih Kejayaan Bersama” (Closing the Gap, Raising the Bar, Together We Succeed) mencerminkan semangat kerjasama seluruh ekosistem pendidikan bagi memastikan tiada murid yang tertinggal, setiap sekolah terus meningkatkan prestasi dan semua pihak bergerak seiring menuju kejayaan yang terangkum dan mampan.

Bagi menjayakan agenda RPM 2026 — 2035, kerangka rancangan ini menggariskan beberapa sasaran wajib capai yang perlu disemarakkan pada peringkat akar umbi. (Rajah 4)

Sasaran Wajib Capai RPM 2026 — 2035

Tumpuan

- Mutu
- Akses dan Ekuiti
- Ketersediaan Sumber dan Kecekapan
- Keluwesan
- Kemampanan

Teras Strategik

- Memastikan sistem pendidikan Malaysia terangkum, dinamik dan relevan.
- Mengoptimumkan potensi setiap murid melalui pengalaman pembelajaran yang bermakna untuk menjadi warganegara global.
- Mentransformasikan pendidik agar berkeupayaan tinggi dan berorientasi masa hadapan.
- Memantapkan prasarana fizikal dan digital di semua institusi pendidikan KPM.
- Mempergiat sinergi antara institusi pendidikan KPM dengan semua pihak berkepentingan.
- Membudayakan kemampanan dalam ekosistem pendidikan.
- Meningkatkan kecekapan tadbir urus dan sistem penyampaian.

Meningkatkan Mutu

- Murid mencapai sekurang-kurangnya gred C bagi keempat-empat mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah.
- Semua murid mencapai tahap sosioemosi sejahtera dan adab yang baik.
- Semua murid mencapai tahap kompetensi digital pada tahap *intermediate* dan ke atas (merujuk Digital Competency Score).
- 90 peratus murid Tahap 2 hingga Tingkatan 5 mencapai tahap kesihatan fizikal cergas dalam ujian SEGAK (Standard Kecergasan Murid).
- Semua murid menguasai sekurang-kurangnya kemahiran dwibahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.
- Semua institusi pendidikan KPM mempunyai Ikon Lestari.
- Semua MBPK mencapai tahap potensi mengikut keupayaan masing-masing.
- Malaysia mencapai skor purata yang setara dengan standard pentaksiran antarabangsa.
- Semua murid menguasai kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Beradab | Berilmu | Berkemahiran | Berdaya Tahan | Berkeyakinan

Merapatkan Jurang

- Semua murid menguasai literasi dan numerasi pada akhir Tahap I.
- Semua institusi pendidikan KPM dilengkapi dengan kemudahan prasarana asas.
- Semua institusi pendidikan KPM dilengkapi dengan rangkaian internet berkelajuan tinggi (keseluruhan institusi) dan peranti digital.

Kerangka dan Sasaran Wajib Capai RPM 2026 – 2035 ialah panduan komprehensif untuk memperkukuh sistem pendidikan negara dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Rajah 4 - Keutamaan Wajib Capai RPM 2026 – 2035

Impak Kepada Pihak Berkepentingan

Pelaksanaan RPM 2026 – 2035 membawa impak positif dan manfaat besar kepada semua pihak berkepentingan dalam sistem pendidikan, termasuklah murid, pendidik, institusi pendidikan KPM, ibu bapa, komuniti dan industri.

Murid

1 Pendidikan Bermutu Untuk Semua

Murid mendapat akses penuh kepada pendidikan berkualiti dari prasekolah hingga menengah atas. Mereka memulakan alam persekolahan dengan asas literasi dan numerasi yang kukuh, dilengkapi kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk berjaya dan melangkah yakin ke peringkat seterusnya.

2 Pengalaman Pembelajaran Bermakna

Murid menikmati pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna. Hal ini mendorong mereka berkembang secara menyeluruh dan mempersiapkan diri menjadi warganegara global yang aktif dan bertanggungjawab.

3 Pembelajaran Diperibadikan

Penggunaan teknologi membolehkan pembelajaran yang berasaskan keperluan sebenar dan mengikut tahap perkembangan murid.

4 Sokongan Kesejahteraan Menyeluruh

Murid menerima sokongan penuh untuk kesejahteraan mereka dalam persekitaran sekolah yang selamat, inklusif dan responsif. Model Sistem Sokongan Pelbagai Peringkat menjadi kerangka utama bagi memastikan kesejahteraan murid sentiasa terpelihara.

5 Pembangunan Karakter dan Jati Diri

Murid dibentuk menjadi individu yang berjati diri kukuh dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani serta intelek. Mereka berdaya tahan menghadapi cabaran masa hadapan dan mampu menyumbang secara positif kepada masyarakat dan negara.

6 Penguasaan Pelbagai Bahasa

Murid menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, berpeluang mempelajari bahasa tambahan seperti bahasa Cina, bahasa Tamil dan Bahasa Isyarat Malaysia. Kemahiran pelbagai bahasa ini akan meningkatkan daya saing mereka dan membolehkan komunikasi berkesan merentas budaya dan konteks.

7 Pendedahan Terhadap Amalan Kemampanan dan Kewarganegaraan Global

Murid memperoleh kemahiran dan pengalaman praktikal untuk menyelesaikan isu kemampanan melalui pembelajaran kontekstual. Murid menghayati nilai kemanusiaan sejagat, bertindak secara bertanggungjawab terhadap isu tempatan dan global.

Rajah 5 - Impak Pelaksanaan RPM 2026 – 2035 kepada Murid

Pendidik

1 Tumpuan kepada Tugas Hakiki

Pendidik dapat memberikan tumpuan kepada tugas utama seperti persediaan, pengajaran dan bimbingan murid yang memberikan impak langsung kepada hasil pembelajaran. Hal ini mengurangkan tekanan kerja dan meningkatkan kesejahteraan serta kepuasan kerja pendidik.

2 Pembangunan Profesional yang Anjal

Pendidik berpeluang mengikuti latihan yang relevan dan bersesuaian, melalui pendekatan pembelajaran yang anjal, bersasar dan berasaskan data. Hal ini memastikan peningkatan kompetensi yang berterusan.

3 Kompetensi Pendidik yang Relevan

Pendidik dapat meningkatkan dan menyesuaikan kemahiran profesional mereka, selaras dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

4 Galakan Penyelidikan dan Inovasi

Pendidik digalakkan menjalankan penyelidikan dan inovasi dalam pendidikan. Usaha ini memperkukuh amalan profesional mereka dan menyumbang kepada peningkatan mutu sistem pendidikan secara menyeluruh.

Rajah 6 - Impak Pelaksanaan RPM 2026 – 2035 kepada Pendidik

Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan

1

Kepimpinan Berwawasan dan Berprestasi Tinggi

Institusi pendidikan diterajui oleh pemimpin yang berwawasan, berkeupayaan tinggi dan membuat keputusan berdasarkan data.

2

Autonomi Terpimpin

Keluwesan dalam pengurusan kurikulum, murid, sumber manusia, kewangan dan perolehan membolehkan sekolah membuat keputusan yang lebih kontekstual dan responsif terhadap keperluan murid serta komuniti setempat.

3

Prasarana Strategik dan Responsif

Pembangunan prasarana institusi pendidikan KPM berasaskan prinsip reka bentuk sejagat dan terangkum. Hal ini mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif, menyokong proses PdP yang berkesan dan meningkatkan keberhasilan murid.

4

Kecekapan Tadbir Urus

Pendigitalan sistem pengurusan dan perancangan sumber, disokong oleh data masa nyata dan pengurangan pertindihan yang meningkatkan kecekapan tadbir urus, ketelusan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan pendidikan.

Rajah 7 - Impak Pelaksanaan RPM 2026 – 2035 kepada KPM

Ibu Bapa dan Komuniti

Kerjasama Strategik

Kerjasama yang terancang, telus dan efektif memperkukuh sinergi KPM dengan pihak berkepentingan dan memberikan manfaat kepada ibu bapa serta komuniti.

Pelibatan Aktif Ibu Bapa, Komuniti, Sekolah dan Pihak Swasta

Ibu bapa, komuniti dan sektor swasta berperanan lebih aktif menyokong pihak sekolah untuk meningkatkan mutu pembelajaran dan membentuk perkembangan murid secara menyeluruh.

Ekosistem Penyaluran Sumber yang Lebih Kukuh

Proses penyaluran dan perkongsian sumber menjadi lebih pantas, telus dan bersepadu melalui sistem Platform Digital Sehenti.

Pelbagai Mekanisme Pelibatan Pihak Berkepentingan

Pihak berkepentingan mempunyai peluang untuk menyumbang kepada pembangunan pendidikan melalui pelbagai cara termasuklah mobilisasi tenaga sukarelawan seperti guru bersara, kaunselor dan profesional industri.

Komunikasi Berkesan

Ibu bapa dan masyarakat menerima maklumat pendidikan yang lebih jelas, konsisten dan mudah difahami bagi meningkatkan kefahaman dan sokongan terhadap dasar dan prakarsa pendidikan.

Tanggungjawab Sivik Bersama

Peningkatan rasa tanggungjawab sosial pihak luar terhadap pendidikan dan budaya kolaboratif yang mampan akan memastikan pendidikan terus menjadi usaha bersama seluruh masyarakat.

Rajah 8 - Impak Pelaksanaan RPM 2026 – 2035 kepada Ibu Bapa dan Komuniti

Industri

1

Bakat Berorientasikan Masa Hadapan

Pengukuhan bakat dalam bidang STEM dan TVET serta pendedahan kepada ekonomi hijau melahirkan tenaga kerja yang relevan, inovatif dan berdaya saing untuk memenuhi keperluan industri masa hadapan.

2

Tenaga Kerja Mahir Pelbagai Bahasa

Individu yang fasih berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta berkebolehan bertutur dalam bahasa antarabangsa dan tambahan mempunyai kelebihan daya saing di pasaran kerja tempatan dan antarabangsa.

3

Platform Digital Sehenti untuk Industri

Platform tunggal ini menyelaras dan memudahkan kerjasama strategik antara industri dengan KPM, memastikan sokongan industri lebih tersusun dan selaras dengan keperluan semasa.

4

Peningkatan Pelaburan dan Pertumbuhan Industri Baharu

Sistem pendidikan yang bermutu dapat menarik pelaburan domestik dan antarabangsa dengan jaminan bakat tempatan yang kompeten dan selaras dengan keperluan semasa serta masa hadapan.

Penekanan terhadap kemahiran abad ke-21 dan bidang pekerjaan lestari turut membantu memacu pertumbuhan sektor baharu seperti teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui.

Rajah 9 - Impak Pelaksanaan RPM 2026 – 2035 kepada Industri

Garis Masa Keseluruhan Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026 – 2035

Pelaksanaan RPM 2026 – 2035 dibahagikan kepada tiga fasa utama. Fasa 1 melibatkan Prakarsa Pencapaian Segera bagi tempoh 2026 – 2027 yang memberi tumpuan kepada pelaksanaan tindakan awal yang dapat menunjukkan impak segera. Fasa 2 meliputi Prakarsa Jangka Sederhana (2028 – 2030) dengan tumpuan kepada pengukuhan dan peluasan pelaksanaan. Seterusnya, Fasa 3 merangkumi Prakarsa Jangka Panjang (2031 – 2035) yang menumpukan kepada kelestarian, penambahbaikan berterusan dan pelarasan dasar berdasarkan penilaian daripada fasa-fasa sebelumnya.

Fasa 1 | Prakarsa Impak Segera (2026 – 2027)	Fasa 2 | Prakarsa Jangka Sederhana (2028 – 2030)	Fasa 3 | Prakarsa Jangka Panjang (2031 – 2035)
Kajian dan Penambahbaikan Dasar Pelaksanaan Pendidikan Sains dan Matematik	Pembangunan Sumber, Kompetensi Pendidik dan Pelaksanaan Rintis bagi Pendidikan Sains dan Matematik	Pelaksanaan dan Penilaian Program Pendidikan Sains dan Matematik
Penambahbaikan Dasar MBMMBI	Peningkatan Mutu dan Kompetensi Pendidik dalam PdP BM dan BI	Pengukuhan PdP BM dan BI
Memperluas Sumber Bakat Calon Pendidik	Penekanan Terhadap Mutu Pengambilan PPP	Penempatan Berasaskan Keperluan
Pembangunan Struktur Persekolahan Merujuk Model Persekolahan K-12	Penyediaan Rang Undang-undang Pendidikan Struktur Baharu Sistem Persekolahan	Pelaksanaan, Penilaian dan Penambahbaikan Struktur Persekolahan dan Pendidikan Wajib Prasekolah
Penambahbaikan Dasar Penawaran dan Pengoperasian Bahasa Tambahan (BC dan BT)	Kajian Kebolehlaksanaan Bahasa Tambahan Lain	Penawaran Bahasa Tambahan Lain
Menyusun Semula Tujuan dan Struktur Pentaksiran	Memperkukuh Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	Pelaporan dan Pensijilan yang Lebih Bermakna
Pembangunan Kerangka Indeks Prestasi Institusi Pendidikan	Pembangunan dan Kelulusan Kerangka, Instrumen dan Kertas Dasar	Rintis, Penambahbaikan dan Pelaksanaan Penuh Sistem Indeks Dalaman Prestasi Institusi Pendidikan KPM
Pelaksanaan Kurikulum Prasekolah 2026 dan Kurikulum Persekolahan 2027	Penataran dan Pemantauan Kurikulum Baharu Secara Berperingkat	Kajian Keberkesanan Pelaksanaan dan Penambahbaikan Kurikulum Baharu
Perancangan dan Pembangunan Literasi dan Numerasi	Pengoperasian dan Penataran Pengukuhan Literasi dan Numerasi	Pengukuhan dan Pemantauan Literasi dan Numerasi Murid

Fasa 1 | Prakarsa Impak Segera (2026 – 2027)	Fasa 2 | Prakarsa Jangka Sederhana (2028 – 2030)	Fasa 3 | Prakarsa Jangka Panjang (2031 – 2035)
Pembinaan Asas Pelaksanaan dan Strategik Kemahiran Berbahasa Murid	Pelaksanaan Intervensi dan Pengukuhan Kompetensi Guru	Kelestarian Program dan Latihan Kemahiran Bahasa serta Penambahbaikan Berasaskan Impak
Memperkasakan Pembelajaran Holistik dan Terangkum untuk Semua Murid	Pembangunan Ekosistem Pendidikan Sepanjang Hayat	Pengukuhan Ekosistem Sokongan Pembelajaran Sepanjang Hayat secara
Pemupukan Budaya dan Asas Ekosistem	Pengukuhan dan Pembudayaan Sistematik	Pemerkasaan dan Kelestarian Holistik
Peningkatan Kesedaran dan Pendedahan STEM, TVET, Sukan dan Seni	Peluasan Akses dan Ekosistem Sokongan	Pemerkasaan Laluan Kerjaya dan Kebolehpasaran Murid STEM, TVET, Sukan dan Seni
Pembangunan Asas Kesejahteraan Murid dan Intervensi Merangkumi Kesihatan Fizikal, Mental dan Sosial	Pemerkasaan Sistem Sokongan Kesejahteraan Murid	Pengukuhan Intervensi dan Pemantauan Menyeluruh
Asas Pembentukan Jiwa dan Nilai	Pengukuhan Amalan dan Ekosistem Kerohanian Sekolah	Kemandirian Rohani dan Pembentukan Insan Seimbang Global
Menyediakan Akses dan Mengukuhkan Sokongan Golongan Khusus	Memperluas Intervensi dan Menjamin Mutu Program Bersasar Golongan Khusus	Melestari Keterangkuman, Memperkasakan Potensi Golongan Khusus
Pemantapan Asas Pentaksiran Pintar	Pelancaran Aktif Pentaksiran Bersepadu Menggunakan Teknologi Digital dan Artificial Intelligence (AI)	Pengukuhan dan Pemantapan Pentaksiran Pintar
Penggubalan Dasar dan Pembangunan Skop Peranan Guru kepada Pengajaran dan Pembelajaran	Rintis dan Penilaian Keberkesanan Rintis	Pelaksanaan Penuh dan Peluasan
Saringan Awal dan Persediaan Pemerkasaan Kesejahteraan Pendidik	Pelaksanaan dan Saringan Berterusan	Kajian Impak dan Pelaporan Pemerkasaan Kesejahteraan Pendidik
Analisis Jurang dan Keperluan Semasa Pembangunan Profesionalisme Berterusan Secara Berstruktur	Pengukuhan dan Peluasan Pembangunan Profesionalisme Berterusan Secara Berstruktur	Pemantapan Pelaksanaan dan Penilaian Impak Pembangunan Profesionalisme Berterusan Secara Berstruktur
Analisis Keperluan dan Penstrukturan Kurikulum Latihan Keguruan	Pemerkasaan Pelaksanaan Latihan Keguruan	Penilaian Impak Pelaksanaan Latihan Keguruan

Fasa 1 | Prakarsa Impak Segera (2026 – 2027)	Fasa 2 | Prakarsa Jangka Sederhana (2028 – 2030)	Fasa 3 | Prakarsa Jangka Panjang (2031 – 2035)
Analisis Keperluan, Pemetaan dan Pemusatan Mekanisme Jaminan Mutu Latihan Guru dalam Perkhidmatan	Pelaksanaan dan Kajian Awal Mekanisme Jaminan Mutu Latihan Guru dalam Perkhidmatan	Pengukuhan dan Analisis Keberkesanan Pelaksanaan Mekanisme Jaminan Mutu Latihan Guru dalam Perkhidmatan
Penstrukturan dan Persediaan Perancangan Pengganti Kumpulan Pelapis Pemimpin Pendidikan	Pengukuhan dan Pelaksanaan Strategik Perancangan Pengganti Kumpulan Pelapis Pemimpin Pendidikan	Penstabilan dan Kelestarian Pembentukan Kumpulan Pelapis Pemimpin Pendidikan
Penstrukturan dan Persediaan Keluwesan Penempatan Guru Besar	Pelaksanaan Keluwesan Penempatan Guru Besar	Penstabilan dan Kelestarian Keluwesan Penempatan Guru Besar
Analisis Keperluan, Pemetaan dan Pemusatan Pembudayaan Penyelidikan dan Inovasi Berimpak Tinggi	Peluasan dan Penilaian Keberkesanan Pembudayaan Penyelidikan dan Inovasi Berimpak Tinggi	Pembudayaan Penyelidikan dan Inovasi Berimpak Tinggi
Pembangunan Asas Kerangka Sekolah Sedia Masa Hadapan	Penginstitusian dan Pemurnian Kerangka Sekolah Sedia Masa Hadapan	Penilaian Impak dan Penambahbaikan Berterusan
Pembangunan Sistem Asas dan Pengukuhan Keupayaan Pengurusan dan Penyelenggaraan Aset	Penambahbaikan dan Pengukuhan Sistem Pengurusan Aset dan Sistem Penyelenggaraan Aset	Penilaian Impak dan Kelangsungan Jangka Panjang
1. Penubuhan 3PK Negeri, Daerah dan 3PK Bergerak 2. Peningkatan Kemudahan Asas Mesra OKU 3. Bekalan Peralatan Sokongan Pembelajaran ke Sekolah yang Disasarkan	1. Peluasan Pelaksanaan 3PK Negeri, Daerah dan Bergerak 2. Peluasan Kemudahan Mesra OKU 3. Peningkatan Bilangan Sekolah yang Menerima Bekalan Peralatan Sokongan Pembelajaran	1. Penyempurnaan Rangkaian 3PK di seluruh negara 2. Penyempurnaan Akses OKU di Semua Institusi Pendidikan KPM 3. Peningkatan Bilangan Sekolah yang Menerima Bekalan Peralatan Sokongan Pembelajaran
1. Penilaian dan Perancangan Strategik Kemudahan Asas yang Berfungsi, Terangkum dan Berimpak 2. Pemetaan dan Penilaian Awal Prasarana Pendidikan 3. Pemetaan dan Penilaian Tahap Kerosakan Prasarana Sukan 4. Pemetaan Keperluan dan Perancangan Naik Taraf Ruang Pusat Sumber	1. Peluasan Pembangunan Fizikal dan Pembaikan Kemudahan Asas di Seluruh Negara 2. Pengukuhan dan Pelaksanaan Pemanfaatan Aset Secara Lebih Meluas 3. Menaik Taraf Prasarana Sukan 4. Peluasan Pelaksanaan Pemodenan Pusat Sumber	1. Pengukuhan Tadbir Urus Aset dan Pelaksanaan Penyelenggaraan Proaktif 2. Pengukuhan Sistem Pemantauan, Pelaporan, dan Penilaian Impak 3. Pemenuhan Piawaian Prasarana Sukan 4. Pemodenan Pusat Sumber Dilaksanakan

Fasa 1 | Prakarsa Impak Segera (2026 – 2027)	Fasa 2 | Prakarsa Jangka Sederhana (2028 – 2030)	Fasa 3 | Prakarsa Jangka Panjang (2031 – 2035)
1. AI: Pembinaan Asas dan Keupayaan Awal AI dalam Pendidikan **2. DELIMa:** Meningkatkan Asas Sistem DELIMa serta Pengalaman Pengguna (UI/UX) **3. LMS:** Penetapan Asas Pelaksanaan dan Pembangunan Sistem	**1. AI:** Pengukuhan Keupayaan dan Peluasan Fungsi AI dalam Sistem Pendidikan **2. DELIMa:** Pengembangan Fungsi AI dan Integrasi Automasi Data Pendidikan **3. LMS:** Pengukuhan dan Peluasan Penggunaan LMS di Peringkat Institusi Pasca Menengah	**1. AI:** Model AI KPM Beroperasi Sepenuhnya dalam Ekosistem Pendidikan Digital Kebangsaan **2. DELIMa:** Penyempurnaan DELIMa sebagai Ekosistem Pembelajaran Pintar Negara **3. LMS:** Pengukuhan Sistem LMS sebagai Model Nasional Pembelajaran Digital
1. Bahan Sokongan Pembelajaran Digital: Mengenal Pasti Bahan Keperluan Digital untuk PdP **2. Peningkatan Pembekalan Peranti Digital:** Kajian Dasar dan Penyediaan Keperluan Asas **3. Pelaksanaan Pemantapan Rangkaian LAN dan WAN: Penilaian dan Perancangan Menyeluruh Prasarana Sedia Ada**	**1. Bahan Sokongan Pembelajaran Digital:** Pengembangan dan Penyempurnaan **2. Peningkatan Pembekalan Peranti Digital:** Pemantapan Pelaksanaan Dasar dan Peluasan Capaian Peranti **3. Pelaksanaan Pemantapan Rangkaian LAN dan WAN: Pelaksanaan Penaiktarafan Rangkaian Secara Meluas**	**1. Bahan Sokongan Pembelajaran Digital:** Penyeragaman dan Pengoptimuman **2. Peningkatan Pembekalan Peranti Digital:** Pengukuhan Sistem dan Pengautomasian Tadbir Urus Peranti Digital **3. Pelaksanaan Pemantapan Rangkaian LAN dan WAN: Peluasan Pelaksanaan dan Pengoperasian Sistem Pemantauan Nasional**
1. Sistem Amaran Awal (Early Warning System-EWS): Penilaian dan Pembangunan Asas **2. Gudang Data (EDW) KPM:** Pembangunan, Pemasangan Perkakasan, Penetapan Standard dan Penyepaduan Sumber Data **3. MOEIS:** Perancangan dan Pembangunan Modul Asas **4. EMIS Pintar: Pembangunan Sistem dan Penyepaduan Data**	**1. Sistem Amaran Awal (Early Warning System-EWS): Penggunaan Ramalan dan Intervensi** **2. Gudang Data (EDW) KPM:** Pelaksanaan dan Penggunaan Penuh Gudang Data **3. MOEIS:** Pembangunan Baki Modul, Integrasi dan Dashboard Nasional **4. EMIS Pintar: Penggunaan EMIS di Seluruh Institusi Pendidikan KPM**	**1. Sistem Amaran Awal (Early Warning System-EWS): Pengukuhan, Penambahbaikan dan Pemantauan Berterusan** **2. Gudang Data (EDW) KPM:** Pengukuhan, Inovasi dan Kelestarian Gudang Data **3. MOEIS:** Pemantapan Penggunaan, Latihan Lanjutan dan Penambahbaikan **4. EMIS Pintar: Integrasi Automasi dan AI Bagi Penyelenggaraan Ramalan (Predictive Maintenance)**

Fasa 1 | Prakarsa Impak Segera (2026 – 2027)	Fasa 2 | Prakarsa Jangka Sederhana (2028 – 2030)	Fasa 3 | Prakarsa Jangka Panjang (2031 – 2035)
Analisis Terperinci dan Penyelarasan Semula Dokumen (SPI dan Garis Panduan) serta Menghasilkan Satu SPI yang Menyeluruh	Penataran dan Pelan Komunikasi	Pemantauan dan Pematuhan SPI
Pembangunan Sistem Akses Tunggal (SAT)	1. Pelaksanaan Sistem SAT 2. Penataran dan Pelan Komunikasi 3. Pengukuhan Keupayaan Sistem SAT	Penambahbaikan, Pemantauan dan Penilaian Impak Sistem SAT
Program Rintis Sukarelawan dan Pembinaan Fasiliti Luwes mengikut Keperluan	1. Peluasan Program Sukarelawan dan Pembinaan Fasiliti Luwes Mengikut Keperluan 2. Pemantauan, Pelaporan dan Penilaian Impak Program	Penerusan Program
Pembangunan dan Penataran Dokumen Kurikulum dan Kokurikulum Baharu secara Berperingkat	Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian Secara Berperingkat di Institusi Pendidikan KPM	Pemantauan, Penilaian dan Pelaporan untuk Penambahbaikan dan Pelanjutan Pelaksanaan Pengintegrasian PPM
Pembangunan, Penataran dan Pelaksanaan Modul Kelestarian bagi Program TVET Terpilih di Kolej Vokasional	Peluasan Pelaksanaan, Penataran, Pemantauan dan Penilaian Modul Kelestarian Program TVET di Kolej Vokasional	Pemantauan, Penilaian dan Penarafan Kolej Vokasional Sebagai Model Institusi Pendidikan Mampan
Perancangan dan pembangunan Modul dan Latihan Bagi Pendidik dan Pemimpin Pendidikan	Pelaksanaan Modul dan Pengukuhan PLC	Peluasan, Pemantauan dan Penilaian Modul dan Latihan
Pembangunan dan Pelancaran Portal PPM	Penambahbaikan Portal PPM	Pengukuhan, Pemantauan dan Penilaian Portal PPM
Reka Bentuk dan Pelaksanaan Rintis Kerangka MAL	Peluasan Kohort Pelaksanaan MAL	Pengukuhan Jaringan, Pemantauan dan Penilaian MAL
Pembangunan Mekanisme Pemantauan dan Penilaian Amalan Kemampanan	Rintis Instrumen Pemantauan dan Penilaian Amalan Kemampanan	Pemantauan, Penilaian dan Pengiktirafan Institusi Pendidikan KPM yang Melaksanakan Amalan Kemampanan

Fasa 1 | Prakarsa Impak Segera (2026 – 2027)	Fasa 2 | Prakarsa Jangka Sederhana (2028 – 2030)	Fasa 3 | Prakarsa Jangka Panjang (2031 – 2035)
Rintis Latihan Pembangunan Kompetensi Kemampanan untuk Jurulatih (Train-the-Trainer)	Penambahbaikan Modul dan Peluasan Latihan Pembangunan Kompetensi Kemampanan untuk Jurulatih (Train-the-Trainer)	Pemantauan dan Penilaian Impak Modul dan Latihan Pembangunan Kompetensi Kemampanan untuk Jurulatih (Train-the-Trainer)
Pembangunan Pelan Komunikasi Strategik KPM	Pelaksanaan Kajian Keberkesanan Sistem Komunikasi KPM	Pengukuhan dan Penambahbaikan Berterusan Sistem Komunikasi
Pelaksanaan Kajian Keberkesanan Fungsi dan Struktur Semasa Organisasi KPM	Pelaksanaan Penstrukturan Semula Struktur Organisasi KPM	Penilaian dan Penambahbaikan Berterusan Struktur Organisasi KPM
Pembangunan dan Pelaksanaan Prosedur Operasi Standard Baharu	Penstrukturan dan Penubuhan Panel Penilai Khas	Normalisasi Agihan Skor Prestasi Tahunan dan Pemantauan Berterusan
Kajian Kesiapsediaan Institusi dan Semakan Semula Garis Panduan Sedia	Pelaksanaan dan Pemantauan Autonomi Terpimpin Secara Berfasa	Penarafan Autonomi Terpimpin
Semakan Semula Peraturan Kewangan dalam SPK dan SPI	Penyediaan Garis Panduan Pelaporan dan Penurunan Kuasa kepada Pentadbir Sekolah KPM	Pemerkasaan Penggunaan Fasiliti dan Prasarana serta Pemantauan Berterusan
Pembangunan Pelan Pengurusan Perubahan	Pelaksanaan dan Penilaian Pelan Pengurusan Perubahan	Pelaksanaan dan Penilaian Pelan Pengurusan Perubahan
Pembangunan Pelan Pengurusan Risiko yang Menyeluruh	Pelaksanaan dan Pemantauan Pelan Pengurusan Risiko	Pelaksanaan dan Pemantauan Pelan Pengurusan Risiko

Kesimpulan

Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026 – 2035 merupakan dokumen strategik yang mengukuhkan transformasi sistem pendidikan negara. Kurikulum Persekolahan 2027 (KP 2027) dengan pendekatan yang lebih dinamik, terangkum dan bersepadu merupakan sebahagian daripada usaha KPM mentransformasikan pendidikan negara. Tujuan RPM 2026 – 2035 adalah untuk memastikan sistem pendidikan sentiasa responsif terhadap perubahan global dan keperluan masa hadapan, dengan keberhasilan murid dijadikan ukuran utama kejayaan pendidikan yang holistik dan bermutu. Matlamat utama RPM 2026 – 2035 ialah melahirkan insan sejahtera yang beradab, berilmu, berkemahiran, berdaya tahan dan berkeyakinan, digerakkan melalui tujuh teras strategik yang saling melengkapi. Hal ini bagi menjamin transformasi pendidikan dilaksanakan secara menyeluruh, berkesan dan mampan.

Tujuh teras strategik menjadi nadi pelaksanaan RPM 2026 – 2035. Tumpuan utama diberikan kepada penstrukturan semula sistem persekolahan kebangsaan agar pendidikan lebih relevan, saksama dan terbuka kepada semua lapisan masyarakat. Kurikulum berasaskan standard dan berorientasikan kompetensi dibangunkan secara holistik bagi membentuk murid yang seimbang dari segi intelek, sahsiah dan kemahiran abad ke-21, bersedia menghadapi cabaran globalisasi dan kemajuan teknologi. Pada masa yang sama, peranan pendidik dan pemimpin sekolah diperkasakan sebagai agen transformasi utama yang memiliki kompetensi tinggi dan kepimpinan transformatif. Perkara ini penting bagi memastikan mutu pengajaran dan pembelajaran sentiasa relevan dan bertumpu kepada keberhasilan. Dari segi prasarana fizikal dan digital, RPM 2026 – 2035 menekankan pembangunan fizikal dan digital yang kukuh, termasuklah penyediaan capaian Internet berkelajuan tinggi, bekalan peranti digital yang mencukupi, di samping sistem maklumat pintar bagi memperkukuh pedagogi interaktif dan inovatif serta meningkatkan pengalaman pembelajaran murid secara keseluruhan.

Kerjasama strategik antara KPM dengan pelbagai pihak berkepentingan diperkukuh demi mewujudkan ekosistem pendidikan yang teratur, responsif dan berimpak tinggi. Sinergi ini meliputi pengembangan sumber, kepakaran dan peluang bagi menyokong perkembangan murid dari segi sosial, ekonomi dan budaya. Selain itu, pembudayaan kemampanan diutamakan agar murid berkembang sebagai individu bertanggungjawab sosial dan peka terhadap alam sekitar serta keadilan sosial, sejajar dengan aspirasi pembangunan lestari negara.

Tadbir urus yang cekap, telus dan bertanggungjawab menjadi sandaran bagi memastikan setiap dasar dan prakarsa RPM 2026 – 2035 dapat dilaksanakan secara optimum dan berkesan pada semua peringkat. Tadbir urus yang baik merupakan asas kepada sistem pendidikan yang tangkas, berdaya saing dan berakauntabiliti tinggi, bersedia untuk menghadapi cabaran masa kini dan masa hadapan.

Berteraskan prinsip keluwesan, kemampanan dan inovasi, RPM 2026 – 2035 dirangka bagi memastikan sistem pendidikan negara kekal relevan dan dinamik. Melalui penerapan teknologi digital dan AI serta pendekatan sistematik bagi memperkukuh akses dan mutu pendidikan, RPM 2026 – 2035 mempertingkat keupayaan sistem pendidikan negara untuk menghadapi perubahan dan cabaran masa hadapan seiring dengan arus pembangunan global yang pesat.

RPM 2026-2035 bukan sekadar rancangan pendidikan nasional, tetapi merupakan agenda strategik negara yang berpaksikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk membangunkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Rancangan ini bermatlamat melahirkan insan sejahtera yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Melalui usaha ini, KPM bukan sahaja membina generasi warganegara global yang beretika, beradab, dan bertanggungjawab, malah melahirkan modal insan yang berpemikiran kritis dan kreatif serta mampu memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara demi memacu masa hadapan Malaysia yang mampan, terangkum dan sejahtera.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Dokumen Rancangan Pendidikan Malaysia 2026 – 2035 diterbitkan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Sekiranya wujud sebarang percanggahan atau kandungan yang tidak konsisten antara versi bahasa Melayu dengan versi bahasa Inggeris, kandungan versi bahasa Melayu tersebut mengatasi versi bahasa Inggeris dan adalah diterima pakai.

Ringkasan Eksekutif

RANCANGAN PENDIDIKAN MALAYSIA

2026 – 2035

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BLOK E8, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Kementerian Pendidikan

ISBN 978-983-9425-39-0

9 789839 425390

Ringkasan Eksekutif

RANCANGAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2026 – 2035